

Negeri ini mempunyai sebuah kerajaan dan sayalah orang yang paling akhir sekali membenarkan mereka itu berbuat sekehendak hati mereka... saya akan menentang sebarang cabaran dari mereka tanpa gentar sedikit pun. – Tengku tatkala memberi amaran kepada penunjuk-penunjuk perasaan yang dibuat oleh Kesatuan Sekerja.

\*

Malaysia, sungguhpun negara yang muda berumur 10 tahun tetapi kita telah berjaya menerima perubahan dan kemajuan yang pesat, tetapi walau bagaimanapun kita belum berpuas hati lagi kerana banyak rancangan-rancangan yang akan dijalankan untuk meninggikan taraf hidup rakyat – Tun Abdul Razak.

\*

Penulis-penulis yang pandai mengarang cerita-cerita seks adalah terdiri dari orang-orang yang tidak mempunyai budi bahasa – Hamka, seorang pujangga dan ulama Indonesia yang sedang melawat Singapura dan Malaysia.

\*

Penulis-penulis yang tidak berbudi bahasa telah memperjual budi bahasa itu dengan cerita-cerita lucu mereka – Hamka.

\*

Melihat kedudukan hukum di dalam Islam itu, Islam sendiri pun tidak mengeluarkan satu teori menghapuskan pelacuran. Dia hanya menjaga orang-orang baik jangan sampai berzina, dan jangan sampai perzinaan itu menyolok mata – Hamka dalam *Pedoman Masyarakat* bilangan 25 muka 486.

\*

Di Malaysia Timur adalah jelas bahawa Pertubuhan Komunis Sarawak yang mendapat ilham dari Peking telah dapat mempengaruhi sebahagian besar

masyarakat Sarawak dan telah membuat persediaan yang lengkap untuk memulakan perang gerila yang berpanjangan – Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

\*

Keadaan di Malaysia Timur dalam beberapa perkara adalah semakin hampir sama dengan keadaan di Malaya pada tahun 1948 yang lalu – Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

## Cabutan

\*

2,559 perceraian berlaku di Selangor – di antara 1964-66.

Sebab-sebabnya:

Pertama – Suami isteri yang tidak memberi layanan lahir batin.

Kedua – Mertua campur tangan hal menantu.

Ketiga – Suami isteri boros membelanjakan wang rumah.

Keempat – Suami isteri tidak setia dan akibat-akibat pergaulan bebas.

Kelima – Suami isteri terpengaruh dengan hasutan-hasutan.

Keenam- Menghilangkan diri.

Ketujuh – Suami yang mempunyai isteri lebih dari satu tidak memberi layanan adil kepada isteri-isteri yang lain.

– Muhyiddin Zakaria,

Ahli Exco Dewan Undangan  
Selangor.

\*

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak mahu terima ugutan-ugutan dari puak-puak yang cuba mengganggu ketenteraman negara dengan melakukan kekacauan dengan sesuka hati mereka – Tun Abdul Razak.

\*

Sekarang telah tiba masanya bagi kerajaan Malaysia mengambil tindakan balas terhadap kerajaan Singapura ‘Nampaknya terus-menerus menunjukkan sikap permusuhan terhadap Malaysia’; harapan Malaysia untuk tinggal berbaik-baik dengan Singapura sebagai negara tetangga sangatlah tipis sekali – Senator Aishah.

\*

Oleh sebab Malaysia masih mempunyai perjanjian pertahanan dengan British tidaklah timbul soal menggantikan tentera British di sini dengan Amerika Syarikat – Tun Abdul Razak.

\*

Orang-orang kampung tau menghormati apa yang patut dihormati, tak usahkan dengan Lagu Kebangsaan malah wakil-wakil rakyat yang hanya sanggup menjanjikan syurga di bibir sahaja pun dihormati mereka – Wan Abdul Kadir bin Ismail.

\*

Orang-orang Melayu adalah merupakan separuh dari penduduk-penduduk Malaysia tetapi anak-anak Melayu hanya 20 peratus sahaja di Universiti Malaya – Wan Abdul Kadir bin Ismail.

\*

Kemudahan-kemudahan dan bantuan hendaklah diberi berlipat ganda bagi menambah bilangan anak-anak Melayu dan bumiputera di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri. – Wan Abdul Kadir.

\*

Pada Malam berikutnya, iaitu mulai dari malam 17 Jun hingga tanggal 19 Jun akan dilangsungkan pula **Pertandingan Membaca Berzanji** peringkat kebangsaan yang akan diikuti oleh **biduan dan biduanita** dari seluruh Malaysia – Ibnu Ariffin kolumnis<sup>1</sup> di *Berita Harian*.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah kolumnis.